

D.R. 29/2002

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2002) (No. 2) 2002.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2002

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus lima belas juta lapan ratus tiga ribu lapan ratus tiga puluh ringgit (RM315,803,830) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 2002 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2002 [*Akta A1135*], Akta Perbekalan Tambahan (2001 dan 2002) 2002 [*Akta A1147*] dan Akta Perbekalan Tambahan (2002) 2002 [*Akta A1156*].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaan (RM)</i>
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	128,340,000
B. 19	Kementerian Pertanian	20,000,000
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	13,280,000
B. 28	Perbendaharaan	4,975,500
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	8,632,630
B. 35	Kementerian Dalam Negeri	34,184,900
B. 38	Kementerian Pengangkutan	21,290,800
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	85,100,000
	JUMLAH	315,803,830

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tiga ratus lima belas juta lapan ratus tiga ribu lapan ratus tiga puluh ringgit (RM315,803,830) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2002.

[PN(U²)2206]